

Bilangan wasit dipersoal

Berita Harian, 17 August 1999, Page 15

Article also available on Microfilm Reel NL21816

Printer-Friendly Page

Bilangan wasit dipersoal

OLEH YUSOFF A. RAHMAN

KENAPA tiga dan bukan lima?

Itulah persoalan yang menimbulkan tanda tanya di kalangan para pegawai Singapura.

Demikian kata Setiausaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Aeji Karmak, mengenai penggunaan tiga wasit sahaja dalam acara seni Sukan SEA Brunei.

"Seperti dalam acara tandingan, acara seni juga sepatutnya menggunakan lima wasit. Tetapi kami tidak diberitahu kenapa ada perubahan itu dilakukan oleh pihak penganjur. Apabila ditanya,

mereka pula keberatan memberikan jawapan," kata Aeji.

Menurutnya, banyak perbezaan menggunakan lima wasit dengan tiga wasit kerana keputusan sesuatu perlawanan akan dilihat lebih tepat dan adil.

Aeji berpendapat jika lima wasit digunakan dalam acara seni, beliau menaruh keyakinan tiga peserta Singapura yang menyertai regu putra mungkin akan mendapat pencapaian baik dari segi pingat.

Regu Putra Singapura yang terdiri daripada Salimi Jamaludin, Ilyas Hakim Jamaludin dan Junaidi Jumaat sekadar memungut pingat gangsa sahaja.

Bekas ketua silat jurulatih

Singapura, Ramli Awi, yang bertugas sebagai salah seorang wasit juga mengakui beliau tidak tahu tentang perubahan itu.

Menurutnya, dalam sistem menggunakan lima wasit, keputusannya adalah lebih adil.

"Maknanya, kami tidak akan memilih keputusan wasit yang memberikan mata yang tertinggi dan juga yang paling rendah," beliau memberitahu.

Ramli kemudian melahirkan terkejut dengan pihak penganjur yang meletakkan seorang wasit Brunei dalam perlawanan yang melibatkan para peserta negara itu.

"Sepatutnya, wasit dari Brunei

tidak harus mengadili perlawanan yang melibatkan para peserta negara itu. Ini tentunya akan menimbulkan tanda tanya di kalangan negara peserta," Ramli memberitahu.

Lebih mengejutkan, ujarnya, wasit yang bertugas itu memberikan mata paling tinggi kepada pesilat Brunei.

Jurulatih nasional, Sheik Alauddin, juga tidak diberitahu tentang penggunaan tiga wasit sahaja dalam acara seni.

Brunei telah menggondol tiga emas dalam acara seni sementara Indonesia, dua, dan Malaysia, sebutir.